



**CANTIK...**Rumah Limas Negeri Sembilan yang menjadi replika Teratak Za'aba banyak menyimpan sejarah kehidupan tokoh bahasa dan kesusasteraan Melayu itu.

# Teratak Za'aba khazanah bangsa

Simpan 100 koleksi dalam bentuk buku, surat, sijil, anugerah, baju dan songkok milik pejuang bahasa Melayu tersohor

H.M 24/9/08 M/S 8

FAKTA GRAFIK ↓




## >Info Zoom

TERATAK Za'ab dibuka untuk lawatan dari jam 10 pagi hingga 6 petang Isnin hingga Ahad tanpa dikenakan bayaran masuk.

Bagi yang ingin melawat, mereka boleh menaiki pengangkutan awam dari Perhentian Bas dan Teksi

Kuala Pilah. Teratak itu hanya terletak 20 kilometer dari pekan Kuala Pilah dan mengambil masa 20 hingga 30 minit perjalanan. Papan tanda menunjukkan lokasi teratak itu di sepanjang perjalanan memudahkan pengunjung.



**UNIK...**pengunjung sempat berehat di bahagian 'sesikat pisang' Rumah Limas Teratak Za'aba selepas melawat sekeliling rumah tradisional itu.

**T**ERATAK Za'aba, muzium mini yang menempatkan pelbagai bahan tinggalan pendeta bahasa terkenal kelahiran Bukit Kerdas, Batu Kikir, Negeri Sembilan, terus menerima kunjungan ramai, terutama penggemar sejarah dan pelajar walaupun terletak jauh di kawasan pedalaman.

Dibina dengan seni ukiran rumah tradisional Negeri Sembilan iaitu Rumah Limas, struktur yang berteraskan kediaman asal Tan Sri Zainal Abidin Ahmad atau Za'aba itu tersergam di Kampung Bukit Kerdas dan menjadi satu daya tarikan pelancongan.

Rumah yang diperbuat menggunakan kayu cengal itu adalah replika rumah Za'aba sebenar yang terletak berhampiran dan dilengkapi anjung, rumah ibu dan dapur. Ia mula dibuka kepada orang ramai pada 5 Februari 2001.

Za'aba yang juga anak seorang guru dilahirkan pada 1895. Ibunya bernama Intan Awaluddin dari keturunan


Minangkabau, Sumatera.

Bapanya ialah Ahmad Kapa, keturunan Bugis, yang membuka Kampung Linggi. Moyang Za'aba berketurunan Bugis dan mempunyai pengaruh kuat dalam masyarakat Linggi ketika itu.

Bapanya terkenal di kampung kerana pengetahuan agamanya. Beliau juga satu-satunya penduduk yang tahu membaca dan menulis huruf Melayu tidak berbaris, kini disebut sebagai tulisan Jawi.

Beliau menerima pendidikan formal dan keagamaan di sebuah sekolah Melayu di Linggi sebelum menyambung pembelajarannya di peringkat menengah di St Paul Institutions Seremban dan menjadi orang Melayu pertama menduduki peperiksaan Senior Cambridge.

Za'aba lulus peperiksaan itu pada 1915 dan sejak itu, bermula kariernya sebagai guru sekolah di Johor Bahru (1916 - 1918). Beliau kemudian ditukarkan ke Kolej Melayu Kuala Kangsar (1918 - 1923); Jabatan Pendidikan, Kuala Lumpur (1923); Maktab



**MINAT...** pengunjung melihat ruang yang menjadi kegemaran Za'aba ketika berkarya.

Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (1924 - 1939); Jabatan Maklumat, Singapura (1939 - 1942); Sekolah Oriental dan Kajian-kajian Afrika, Universiti London (1947 - 1951) dan Universiti Malaya, Singapura (1954 - 1959).

Za'aba memiliki bakat dalam penulisan dan juga seorang yang gemar membaca. Keban-

yakan penulisannya muncul dalam akhbar tempatan dan majalah seperti di Utusan Melayu; Lembaga Melayu; Pangasuh dan Pakar Majalah.

Beliau turut menerbitkan beberapa siri kajian dalam Bahasa Melayu termasuk Ilmu Bahasa Melayu (Penggil 1 & 2), Ilmu Mengarang Melayu dan Pelita Bahasa Melayu. Il-

dan III.

Pada 1956, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ketiga yang diadakan di Johor Bahru mengisytiharkan Za'aba sebagai Pendeta bahagian Melayu.

Gelaran Pendeta ini dianugerah berikutan jasa dan sumbangan besar beliau terhadap bahasa dan kesusasteraan Melayu.

Za'aba yang meninggal dunia pada 1973 adalah contoh seorang budak lelaki kampung yang berjaya meletakkan dirinya sebagai seorang yang terkemuka muncul dalam sejarah Malaysia.

Pembukaan muzium mini berkenaan teretus hasil lawatan Tan Sri A Samad Idris ke Rumah William Shakespeare di England yang kemudian mencadangkan konsep sama diwujudkan di Malaysia untuk tokoh bahasa tempatan.

Pengunjung boleh mendapatkan maklumat mengenai Za'aba yang mula menulis rencana mengenai agama, bahasa, sosial, ekonomi dan politik Melayu seawal 1916 menggunakan pelbagai nama pena seperti Zai Beniulmaan

Anak Melayu Jati, Melayu dan Z.

Lebih menarik, ada satu ruang di rumah berkenaan yang menjadi kegemaran Za'aba menghabiskan masanya menulis dengan mesin taip usang, diiringi nyanyian dari gramofon.

Terdapat hampir 100 koleksi dalam bentuk buku, surat, sijil, anugerah, baju dan songkok milik Za'aba dipamerkan sebagai mengenang jasa pejuang bahasa Melayu ini agar tidak dilupakan.

Hampir setiap hari pasti ada rombongan pelajar, institusi perguruan dan universiti yang singgah bagi mendapat gambaran mengenai kehidupan pendeta Melayu itu pada zaman kanak-kanaknya dan ketika sudah bergelar guru.

Cukup merugikan jika generasi hari ini tidak mengenali siapa Za'aba kerana jasa pemimpin dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu itu tiada tolok bandingnya dan pembukaan muzium itu adalah bertepatan dengan aspirasi untuk menjadikannya sebagai idola pejuang bahasa pada masa kini.